

# Tunggu bukti, keputusan

**Kuala Lumpur**

Beberapa pakar kesihatan awam negara ini berpandangan sebarang tindakan perlu diambil susulan syarikat Pfizer disaman di Amerika Syarikat (AS) berkaitan vaksin Covid-19.

Tindakan lanjut yang diambil perlu berdasarkan situasi, data serta fakta di Malaysia.

Pakar kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, ada pelbagai

dakwaan pro dan kontra berhubung vaksin Covid-19.

“Jadi senario di AS itu adalah amat baik, perkara berkaitannya untuk dibawa ke mahkamah bagi mendapatkan keputusan yang sebenar.

“Kita patut tunggu bukti dan keputusan mereka serta ambil tindakan yang berpatutan.

“Sebagai langkah berjaga-berjaga, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) patut menyemak semula kajian dan *surveillance* penggunaan vaksin yang sama,” katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berpendapat

pihak di negara ini perlu mendapatkan terlebih dahulu maklumat apa yang berlaku di AS.

“Sistem kesihatan mereka tak sama seperti yang berlaku di Malaysia,” katanya.

Kelmarin, laporan Reuters memetik, Kansas di AS memfailkan saman ke atas Pfizer atas dakwaan syarikat itu mengelirukan orang ramai, menipu dan menyembunyikan risiko pengambilan vaksin Covid-19.

Kansas, menerusi pernyataan difailkan di Mahkamah Daerah Thomas County turut menuduh syarikat itu membuat dakwaan palsu mengenai tahap keberkesanan vaksin keluarganya, sekali gus menuntut ganti rugi yang jumlahnya tidak dinyatakan.

Menurut dokumen mahkamah, kenyataan palsu syarikat berpangkalan di New York itu melanggar Akta Perlindungan Pengguna Kansas.

Ia juga mendakwa Pfizer menyembunyikan bukti berhubung kaitan vaksin



**“Sebagai langkah berjaga-berjaga, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) patut menyemak semula kajian dan *surveillance* penggunaan vaksin yang sama”**

*Dr Zainal Ariffin Omar*

buatannya dengan komplikasi kehamilan termasuk keguguran serta keradangan jantung dikenali sebagai miokarditis dan pe-

rikarditis selepas vaksin itu dilancarkan pada 2021.

Selain itu, Pfizer didakwa membuat kenyataan palsu bahawa vaksin yang dibangunkan bersama Jerman BioNTech untuk strain asal virus itu mengekalkan keberkesanan tinggi terhadap perubahan varian dan boleh mencegah penyakit serta penularan.

Bagaimanapun, BioNTech tidak dinamakan sebagai defendan bagi kes berkenaan.

Mengulas tindakan itu, Peguam Negeri Kansas Kris Kobach berkata, Pfizer membuat beberapa kenyataan mengelirukan mengenai vaksin dihasilkannya untuk menipu orang awam.

Beliau dalam kenyataannya berkata, negeri lain juga bekerjasama dengan Kansas dalam siasatan berkenaan, selain turut dijangka memfailkan saman.

Pfizer pula berkata, kenyataan mengenai vaksin Covid-19 dikeluarkan firma berkenaan adalah tepat dan berdasarkan sains, selain menyifatkan tuntutan terbabit tidak berasas.



VAKSIN Covid-19.  
- GAMBAR fail Reuters